



(DARI KIRI) Mohd. Azri Hazim, Mohd. Aqil Haziq dan Mohd. Adli Hadi Abdul Halim memulakan persekolahan di Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Ahmad, Kangar, Perlis, semalam.

## Trio kembar gembira sekolah bersama

um/040106/G/A/Perlis-Edu

KANGAR 3 Jan. — Menangis dalam kelas, takut untuk 'berkawan' sehingga ibu bapa terpaksa menjadi 'murid' dalam kelas, merupakan fenomena biasa ketika sesi persekolahan tahun satu bermula.

Berlainan pula dengan trio kembar di Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Ahmad, dekat sini, mereka terlalu gembira dapat memulakan persekolahan di sekolah yang sama secara serentak.

Justeru tidak hairan apabila anak-anak kepada peguam Abdul Halim Din iaitu Mohd. Adli Hadi, Mohd. Aqil Haziq dan Mohd. Azri Hazim tiada masalah jika ibu dan bapa tidak menemani mereka.

Mohd. Adli Hadi yang merupakan 'kembar sulung' berkata, dia tidak berasa kekok memulakan persekolahan.

Katanya, ini kerana dia

mempunyai 'rakan serumah' yang sentiasa bersama melakukan aktiviti di mana-mana termasuk ketika memulakan persekolahan hari ini.

"Saya seronok kerana ada adik yang sama-sama bersekolah. Ibu dan ayah saya tak payah temankan."

"Lagi pun kawan-kawan pula sudah lama saya kenal kerana dahulu kami belajar di tadika yang sama. Cikgu pun baik," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

### Memulakan

Mereka adalah di antara 4,237 murid yang memulakan sesi persekolahan tahun satu di Perlis hari ini.

Dalam pada itu, lima kanak-kanak cacat pendengaran memulakan persekolahan di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas di sini.

Muhammad Ikram Is-hak, Muhammad Qamarul Mahazan, Muhammad Ridwan Rahman, Mohd. Amin Azizul Amri dan Sofi Zuraidi tidak sabar menimba ilmu meski pun cacat pendengaran.

Guru Besar sekolah berkenaan, Norhayati Mohd. Ratin berkata, terdapat 27 orang kanak-kanak cacat pendengaran di sekolah tersebut setakat ini.

"Mereka belajar sama seperti murid di sekolah biasa," katanya ketika di temui di sini.

Timbalan Pengarah Pe- lajaran negeri, Abdul Wahab Ismail ketika ditemui berkata, peruntukan khas telah dipohon daripada kerajaan Pusat untuk mengganti peralatan seko- lah yang rosak akibat ban- jir.